

21 JUL 1999

Mahathir-BN

BANYAK LAGI PERLU DILAKUKAN OLEH BN

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional perlu terus berkuasa kerana banyak lagi perkara yang perlu dilaksanakannya dalam usaha membangunkan negara terutama dalam era teknologi maklumat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Kita ada banyak kerja lagi, bukan tamak hendak jadi kerajaan sampai bila-bila tetapi kita mempunyai wawasan...kita mempunyai tanggungjawab yang amat besar, kita tidak boleh abaikan tanggungjawab ini."

Ketika berucap melancarkan khemah bina negara anjuran Pergerakan Wanita BN di sini, beliau berkata negara tidak boleh duduk diam dengan kejayaan yang sedia ada kerana Malaysia sedang memasuki era yang amat mencabar di zaman teknologi maklumat.

"Information age (era maklumat) ini memerlukan pendekatan dan pemikiran yang berbeza dengan zaman dahulu. Kita kena tukar sama sekali persepsi kita terhadap alam di sekeliling kita, masyarakat, cara kita memerintah dan terhadap cara kita berniaga," katanya.

Beliau berkata, amat penting sekali BN mendapat kemenangan dan mendirikan kerajaan selepas pilihan raya akan datang.

"Sebabnya ialah kerana kita dalam proses membangunkan negara, wawasan kita untuk menjadi sebuah negara maju yang setaraf dengan negara maju yang lain di dunia ini," katanya.

Beliau berkata banyak tugas yang perlu dibuat untuk membangunkan negara.

Ini termasuk melengkapkan rakyat dengan ilmu pengetahuan, kecekapan dan kebolehan dalam semua bidang termasuk profesional dan perniagaan.

"Semua ini, kita tahu, hanya boleh dijayakan melalui BN," kata Dr Mahathir.

"Bukan orang lain tak boleh tetapi Barisan mempunyai pengalaman dan kecekapan untuk meneruskan proses pembangunan yang sedang dilaksanakan," katanya.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita kemudian bahawa tugas membangunkan negara bukan boleh selesai dalam sehari kerana ia mengambil masa yang panjang.

"Kita telah memerintah negara ini sejak 42 lepas dan kita telah sampai ke peringkat pembangunan ini dan telah mencapai kemajuan yang baik...malangnya kita belum menjadi negara maju sepenuhnya," kata Perdana Menteri.

Beberapa bahagian negara ini telah dimajukan sepenuhnya, kata beliau merujuk kepada ulasan perwakilan ke mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multimedia yang menyifatkan Malaysia sebagai negara maju setelah melihat Kuala Lumpur, Cyberjaya, Putrajaya dan kawasan lain yang telah dibangunkan.

"Tetapi masih ada tempat di negara ini seperti di Jeragan yang belum dimajukan sepenuhnya kerana menurut PAS, penduduk di situ masih tinggal dalam pondok usang.

"Itu tidak benar tetapi kita memandang berat nasib rakyat kita dan akan bekerja untuk mereka, dan mereka tahu, untuk itu, kita perlu bangunkan negara ini, menjadikannya kaya serta kutip cukai dan bantu yang miskin," katanya.

-- BERNAMA

gm mai

